

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN  
YAAKUB  
(MACHANG)**

**TARIKH : 06.11.2014  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah kelengkapan ketenteraan yang dimiliki oleh negara mencukupi dalam membuat persediaan menghadapi sebarang bentuk kesulitan yang mungkin dihadapi oleh negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Keupayaan persenjataan dan peralatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada masa ini berada pada tahap yang memuaskan dan berupaya untuk menentukan kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terjamin. Keupayaan ATM dibangunkan berlandaskan peranan dan tugas Tentera Darat (TD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dalam memenuhi keperluan dasar pertahanan negara. Perolehan aset pertahanan khususnya perolehan persenjataan dan peralatan yang berteknologi tinggi dan moden adalah penting untuk meningkatkan keupayaan setiap perkhidmatan (TD, TLDM dan TUDM) dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman. Proses mendapatkan semua perolehan ini dilakukan secara berterusan mengikut keperluan dan keupayaan kewangan negara.**